

UniMAP Anjur Program Menarik Sempena Sambutan Keputeraan DYMM Raja Perlis Ke-65

Sempena Sambutan Ulangtahun Keputeraan DYMM Raja Perlis Ke-65, Universiti Malaysia Perlis telah menganjurkan pelbagai program menarik yang bermula pada 11 Mei hingga 6 Jun 2008. Program tersebut diadakan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perlis dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Antara program yang telah diadakan itu ialah Program Aquarobic @ UniMAP, 'Cage Futsal' Terbuka Perlis, Royal Challenge Treasure Hunt dan Konsert Muzika Seni. Semua aktiviti tersebut dijalankan secara berturutan pada setiap minggu bermula 11 Mei dengan Program Aquarobic @ UniMAP iaitu program senamrobik bersama warga UniMAP dan rakyat Perlis di Denai Larian Pengkalan Asam, Kangar. Ia diikuti dengan pertandingan 'Cage Futsal' atau Futsal Sangkar yang terbuka kepada seluruh rakyat negeri Perlis yang dibahagikan mengikut peringkat umur dan jantina bermula peringkat saringan pada 17 hingga 18 Mei 2008. Program bertambah menarik pada 24 Mei dengan 'Royal Challenge Treasure Hunt' iaitu pertandingan



mencari harta karun berkereta dan bertemakan 'Raja Kita' dan terbuka kepada semua organisasi atau agensi seluruh negeri Perlis. Penutup program sempena sambutan ini ialah Konsert Muzika Seni yang diadakan pada 6 Jun 2008 di Dewan 2020 yang melibatkan gabungan pemuzik-pemuzik lebih 60 orang yang terdiri daripada pelajar-pelajar dari IPT di utara Malaysia.